

HELAIAN KETERANGAN PRODUK.



IKHLAS CAPITAL TAKAFUL.

Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil “IKHLAS Premier Takaful”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

1. Produk apakah ini?

Ini adalah sijil Investment-Linked Takaful (ILT) yang menawarkan gabungan antara takaful perlindungan dan pelaburan. Pembayaran sekaligus manfaat kematian kepada Peserta sekiranya Peserta mati atau keilatan kekal menyeluruh semasa dalam tempoh sijil dan nilai semasa unit-unit pelaburan, ketika tuntutan berlaku.

Nilai ILT bergantung kepada harga unit-unit yang telah diambil, di mana ianya bergantung kepada prestasi dana yang telah anda pilih.

2. Apakah konsep Syariah yang digunapakai?

Tabarru' –Peserta bersetuju mendermakan peratusan yang telah ditentukan daripada sumbangan kepada Dana Risiko untuk membantu peserta lain.

Wakalah – Peserta memberi kebenaran kepada Takaful Ikhlas Sendirian Berhad untuk mewakili dirinya dalam mengendalikan urusan berkaitan Takaful seperti, menyediakan perlindungan atau membuat pelaburan bagi pihaknya. Konsep ini membolehkan penggunaan perantara bagi memenuhi kehendak pelanggan, pembayaran lebihan dan keuntungan yang lebih baik kepada peserta dan pengiraan keuntungan yang dikongsi secara teratur.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

▪ Kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh

Sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal, mana yang terdahulu, 100% dari Jumlah Perlindungan (Bersamaan dengan 125% dari sumbangan tunggal ditambah dengan penambahan sumbangan dan ditolak pengeluaran atau nilai dana terkumpul dari semua unit dana pelaburan, yang mana lebih tinggi) akan dibayar kepada peserta atau waris terdekat.

- **Pulangan dan perlindungan yang lebih tinggi ke atas pelaburan anda**

Bermula dengan pembayaran sekaligus pelaburan RM5,000 sahaja, anda telah memulakan langkah pertama ke arah perancangan kewangan yang bijak dengan perlindungan yang anda perlukan sekiranya berlaku sebarang kecelakaan yang membawa kepada kematian dan hilang upaya menyeluruh.

- **Pengeluaran Wang Tunai**

Amaun minimum pengeluaran ialah RM500. Pengeluaran separa adalah tertakluk kepada baki minimum sebanyak RM3,000 dalam semua dana amanah. Caj untuk urus niaga pengeluaran adalah seperti berikut (tertakluk kepada caj maksimum sebanyak RM50 untuk setiap pengeluaran)

Tahun	Caj Pengeluaran			
	1	2	3	Selepas itu
Caj	3%	2%	1%	0%

- **Pilihan Penambahan Kadar Sumbangan**

Sumbangan tambahan boleh dibuat dari hari pertama sijil berkuatkuasa, tertakluk kepada syarat berikut:

Amaun Minimum : RM500

Amaun Maksimum : 5 kali caruman tunggal untuk setiap tahun. Penambahan sumbangan itu akan digunakan untuk membeli tambahan kepada unit pelaburan dan/atau perlindungan tambahan.

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu dibayar?

Jumlah sumbangan yang perlu anda bayar bergantung kepada keperluan pengunderaitan seperti umur, tempoh dan jumlah perlindungan. Contoh:

Jumlah Perlindungan : RM 12,500

Jantina : Female

Umur : 37 year

Tempoh : 43

Sumbangan : RM 1000(Sumbangan Tunggal)

Pengendali Takaful akan memperuntukkan sebahagian dari sumbangan untuk membeli unit dalam dana investment-linked yang anda pilih. Manakala bakinya akan digunakan untuk membayar yuran wakalah, yang mana ianya termasuk komisyen ejen dan perbelanjaan lain pengendali Takaful.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

Yuran Wakalah	5%
---------------	----

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu dikehtahui?

- Pendedahan maklumat – adalah penting untuk mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti keadaan kesihatan
- Tempoh Khiyar – Anda boleh membatalkan sijil dengan mengembalikan sijil tersebut kepada pihak syarikat dalam tempoh 15 hari dari tarikh pengeluaran sijil tersebut. Sumbangan yang telah dibayar (selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan perubatan –sekiranya ada) akan dikembalikan.

7. Apakah pengecualian utama yang terdapat di dalam sijil ini?

• **PENGECUALIAN BAGI KEMATIAN**

Tiada sebarang manfaat akan dibayar sekiranya berlaku kematian terhadap Pemilik Sijil atau Peserta atau kedua-duanya jika kematian berpunda dari Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), Penyakit Berkaitan AIDS atau Penyakit melalui Jangkitan Seksual atau nyawa pemilik sijil dan/atau peserta atau kedua-duanya, diambil oleh pengurusan undang-undang atau bila pemilik sijil dan/atau peserta atau kedua-duanya mati akibat penglibatan diri dalam akta yang melanggar undang-undang dan/atau jenayah.

• **BUNUH DIRI**

Sekiranya pemilik sijil atau peserta, samada waras atau tidak, membunuh diri, sijil akan terbatal dan Syarikat akan memulangkan baki dari PIA dan/atau PRIA

8. Bolehkah sijil ini dibatalkan?

Ya boleh. Sekiranya pembatalan dibuat selepas 15 hari dari tempoh ehsan, sebarang jumlah di dalam PIA akan dipulangkan kepada anda.

9. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Sekiranya terdapat perubahan maklumat, sila maklumkan kepada kami jika terdapat pertukaran alamat bagi memastikan urusan surat-menyurat berjalan lancar.

10. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga, sila kunjungi laman sesawang kami di www.takafulikhlas.com.my atau www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas Sdn Bhd
4th Floor Bangunan Takaful Ikhlas
14 Jalan 19/1
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Telefon : 03-78011488

11. Produk seumpama yang boleh didapati?

- Ikhlas RegularTakaful

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG BENAR-BENAR BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL ANDA ATAU BERHUBUNG TERUS DENGAN TAKAFUL IKHLAS SDN BHD UNTUK KETERANGAN LEBIH LANJUT.

